



23 JUL, 2023

Kastam rampas 250kg dadah bernilai RM18.2 juta di KLIA

Mingguan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam rampas 250kg dadah bernilai RM18.2 juta di KLIA

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
utusannews@mediamulia.com.my

SEREMBAN: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas sebanyak 250 kilogram (kg) dadah bernilai RM18.2 juta di Kompleks Kargo Udara, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, Selangor Selasa lalu.

Ketua Pengarahnya, Datuk Zazuli Johan berkata, bertindak atas maklumat, lebih kurang pukul 6 petang, sepasukan anggota Kastam daripada Cawangan Narkotik Ibu Pejabat JKDM telah menyita sebanyak 18 kotak di kompleks berkenaan dan hasil pemeriksaan telah menjumpai 12 kotak mengandungi bungkusan plastik lutsinar.

Jelas beliau, bungkusan tersebut mengandungi kefulan kristal disyaki dadah Methylenedioxymethamphetamine (MDMA) dengan berat kasar 232.05 kilogram dan nilai anggaran rampasan adalah sebanyak RM17 juta.

“Pihak Kastam turut menemui sebanyak satu kotak bungkusan plastik lutsinar yang mengandungi

bahan serbuk kristal putih disyaki dadah berbahaya jenis Ketamine dengan berat kasar 20.05 kilogram. Nilai anggaran rampasan adalah RM1.2 juta.

“Pemeriksaan ke atas baki lima kotak pula menjumpai cakera brek kereta,” katanya dalam sidang akhbar kes tersebut di Cawangan Narkotik Ibu Pejabat JKDM di Kampung Jijan, Nilai di sini, semalam.

Ekoran rampasan itu, Zazuli percaya dapat menumpaskan sindiket terbabit dan turut menahan beberapa warga tempatan yang disyaki ada kaitan dengan dadah berkenaan.

“Dadah jenis MDMA ini boleh digunakan untuk membuat pil ecstasy yang boleh menghasilkan 1.5 tan pil ecstasy untuk pasaran tempatan. Ini juga merupakan rampasan terbesar tahun ini,” katanya.

Sementara itu, jelas beliau, modus operandi sindiket adalah bagi mengaburi pihak berkuasa dengan cara mengikrarkan barang yang mengandungi dadah sebagai aksesori kereta sedangkan di dalamnya terdapat kotak yang mengandungi dadah berbahaya.



ZAZULI Johan (tengah) menunjukkan dadah yang dirampas pada sidang akhbar di Cawangan Narkotik Ibu Pejabat JKDM di Kampung Jijan, Nilai, Seremban. - MINGGUAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

“Siasatan awal mendapati dagangan tersebut di import dari sebuah negara di Eropah dan kemudian mendarat di Kompleks Kargo KLIA sebagai destinasi terakhir.

“Hasil risikan mendapati pengimport menggunakan maklumat palsu dalam dokumen pengimportan dan menyuarakan tangkapan dibuat ke atas pengimport dagangan tersebut.



23 JUL, 2023

Kastam rampas 250kg dadah bernilai RM18.2 juta di KLIA

Mingguan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

SEREMBAN: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas sebanyak 250 kilogram (kg) dadah bernilai RM18.2 juta di Kompleks Kargo Udara, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, Selangor Selasa lalu. Ketua Pengarahnya, Datuk Zazuli Johan berkata, bertindak atas maklumat, lebih kurang pukul 6 petang, sepasukan anggota Kastam daripada Cawangan Narkotik Ibu Pejabat JKDM telah menyita sebanyak 18 kotak di kompleks berkenaan dan hasil pemeriksaan telah menjumpai 12 kotak mengandungi bungkusan plastik lutsinar.